



## SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN (MQA / FA4776)

**KPT KOD: UG6762001**

TEMPOH  
PENGAJIAN

4 TAHUN

8  
SEMESTER

### AKREDITASI

- Malaysia Qualification Agency (MQA) - FA4776
- Lembaga Kaunselor Malaysia

### SYARAT KEMASUKAN

#### Syarat Am Universiti

- **Lulus SPM** – Kejujian dalam **BAHASA MELAYU** dan lulus mata pelajaran **SEJARAH** dan
- **Lulus STPM** – Mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00, Gred C** dalam **tiga (3) mata pelajaran** termasuk **Pengajian Am ATAU**
- **Lulus STAM** – Mendapat sekurang-kurangnya **Pangkat Jayyid ATAU**
- **Lulus Matrikulasi KPM / Asasi Sains UM / Asasi UKM / Asasi UiTM** – Mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00 ATAU**
- **Lulus Diploma / Setaraf** – Kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Awam
- Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 1.0 (Band 1.0)** dalam Malaysian University English Test (MUET)

#### Syarat Khas Program

##### Lepasan STPM

- Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B-** pada peringkat STPM dalam mana-mana DUA (2) mata pelajaran berikut: Bahasa Melayu / Kesusasteraan Melayu Komunikatif / Literature in English / Bahasa Cina / Bahasa Tamil / Bahasa Arab / Syariah / Usuluddin / Sejarah / Geografi / Ekonomi / Pengajian Perniagaan / Perakaunan / Sains Sukan
- Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut: **Matematik (M)**

##### ATAU

- Mendapat sekurang-kurangnya **Kejujian (Gred C)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: **Matematik**
- Mendapat sekurang-kurangnya **Lulus (Gred E)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: **Bahasa Inggeris**
- Mendapat sekurang-kurangnya **BAND 2.0** untuk keputusan yang diperoleh mulai **Sesi 1 Tahun 2021** atau **BAND 2** untuk keputusan **Tahun 2020** dan **sebelum** dalam **Malaysian University English Test (MUET)** mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan
- **Tidak mempunyai ketidakupayaan anggota** yang menyukarkan kerja-kerja amali
- **Lulus Ujian Psikometrik dan Temuduga yang ditetapkan**

#### Lepasan Matrikulasi

- Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B-** pada peringkat Matrikulasi / Asasi dalam mana-mana DUA (2) mata pelajaran berikut: **Mathematics / Fizik / Ekonomi / Perakaunan / Pengurusan Perniagaan**
- Mendapat sekurang-kurangnya **Kejujian (Gred C)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: **Matematik**
- Mendapat sekurang-kurangnya **Lulus (Gred E)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: **Bahasa Inggeris**
- Mendapat sekurang-kurangnya **BAND 2.0** untuk keputusan yang diperoleh mulai **Sesi 1 Tahun 2021** atau **BAND 2** untuk keputusan **Tahun 2020** dan **sebelum** dalam **Malaysian University English Test (MUET)** mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan
- **Tidak mempunyai ketidakupayaan anggota** yang menyukarkan kerja-kerja amali
- **Lulus Ujian Psikometrik dan Temuduga yang ditetapkan**

#### Lepasan Diploma

- 1) Bagi calon lepasan Diploma / Setaraf, mendapat sekurang-kurangnya **PNGK / CGPA 2.70** serta memenuhi **perkara 2, 3 dan 4** di bawah

##### ATAU

Bagi calon lepasan STPM / Matrikulasi bukan tahun semasa, mendapat sekurang-kurangnya **Gred B- (2.67)** dalam mana-mana **DUA (2)** mata pelajaran berikut: Bahasa Malaysia / Kesusasteraan Melayu / Literature in English / Bahasa Cina / Bahasa Tamil / Bahasa Arab / Syariah / Usuluddin / Sejarah / Geografi / Matematik / Ekonomi / Pengajian Perniagaan / Pengurusan Perniagaan / Perakaunan / Sains Sukan

- 2) Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C (2.00)** pada peringkat STPM dalam mana-mana **SATU (1)** mata pelajaran berikut: **Matematik S / Matematik (M)**

##### ATAU

Mendapat sekurang-kurangnya **Kejujian (Gred C)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: **Matematik**

- 3) Mendapat sekurang-kurangnya **Lulus (Gred E)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: **Bahasa Inggeris**
- 4) Mendapat sekurang-kurangnya **BAND 2.0** untuk keputusan yang diperoleh mulai **Sesi 1 Tahun 2021** atau **BAND 2** untuk keputusan **Tahun 2020** dan **sebelum** dalam **Malaysian University English Test (MUET)** mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan
- 5) **Tidak mempunyai ketidakupayaan anggota** yang menyukarkan kerja-kerja amali
- 6) **Lulus Ujian Psikometrik dan Temuduga yang ditetapkan**



## SINOPSIS PROGRAM

Program Sarjana Muda Kaunseling dengan Keujian adalah bertujuan melahirkan kaunselor yang berkemampuan memberikan perkhidmatan kaunseling yang terbaik kepada ahli masyarakat yang memerlukan, merangkumi kaunseling individu, kelompok, pasangan, keluarga, bimbingan serta pelbagai lagi. Program Sarjana Muda Kaunseling dengan Keujian ini menjadi satu landasan ke arah melahirkan kaunselor yang kompeten. Program ini telah dirancang mengikut garis panduan Piawai dan Kelayakan Latihan Kaunselor Lembaga Kaunselor (Malaysia). Kaunselor yang kompeten ditakrifkan sebagai kaunselor yang memenuhi syarat-syarat dalam latihan berkenaan. Perkembangan yang sihat ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menambah bilangan kaunselor terlatih seiring dengan keperluan negara. Program ini memberi penekanan kepada kemahiran kaunseling dalam sesi individu dan kelompok. Penguasaan kemahiran kaunseling yang cekap membolehkan kaunselor melaksanakan perkhidmatan kaunseling dengan lebih baik dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

## PROGRAM OBJEKTIF (PEO)

- **PEO1:** Graduan yang berpengalaman luas dan berkemahiran dalam mengendalikan perkhidmatan kaunseling selaras dengan keperluan komuniti.
- **PEO2:** Graduan yang mempunyai kompetensi dalam kemahiran komunikasi efektif, mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dalam pengurusan perkhidmatan kaunseling di organisasi dan mampu melaksanakan tugas secara individu dan berkumpulan dengan pelbagai peranan.
- **PEO3:** Graduan yang berkemampuan untuk berfikir secara kritis dan inovatif dalam merancang dan melaksanakan perkhidmatan kaunseling secara beretika serta mampu membuat analisis penggunaan perkhidmatan kaunseling dalam komuniti.
- **PEO4:** Graduan yang berkeupayaan mengaplikasi kemahiran keusahawanan dalam pembelajaran secara berterusan menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian.

## STRUKTUR PROGRAM

BIL	PENGKHUSUSAN	KREDIT
1	Teras Universiti	20
2	Teras Program	106
3	Elektif	12
	<b>Jumlah</b>	<b>138</b>

## KURSUS PENGKHUSUSAN BIDANG

### (A) PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGAN MANUSIA

SMK3143 Pengantar Psikologi  
SMK3133 Personaliti Individu  
SMK3123 Psikologi Perkembangan  
SMK3043 Psikologi Kesihatan  
SMK3033 Tingkah Laku Bilazim  
SMK3053 Psikologi Industri

### (B) PERHUBUNGAN MENOLONG

SMK3113 Pengantar Bimbingan dan Kaunseling  
SMK3254 Kemahiran Asas Kaunseling  
SMK3213 Teori Kaunseling dan Psikoterapi  
SMK3263 Makmal Kaunseling Individu I  
SMK3274 Kaunseling Individu  
SMK4263 Makmal Kaunseling Individu II

### (C) KEPELBAGAIAN SOSIAL DAN BUDAYA

SMK4303 Kaunseling Pelbagai Budaya  
SMK3303 Psikologi Sosial  
SMK4313 Kesukarelawanan

### (D) KERJA KELOMPOK

SMK3434 Kaunseling Kelompok  
SMK3413 Makmal Kaunseling Kelompok I  
SMK4423 Makmal Kaunseling Kelompok II

### (E) PERKEMBANGAN KERJAYA

SMK4503 Maklumat Perkembangan Kerjaya  
SMK3503 Kaunseling Kerjaya

### (F) PENGUJIAN DAN PENGUKURAN PSIKOLOGI

SMK4603 Appraisal Dalam Kaunseling  
SMK3603 Pengenalan Pengujian Psikologi

### (G) PENYELIDIKAN DAN PENILAIAN PROGRAM

SMK3713 Penyelidikan Kuantitatif  
SMK3723 Penyelidikan Kualitatif  
SMK4983 PITA I  
SMK4993 PITA II  
SMK3733 Projek Penyelidikan I  
SMK3743 Projek Penyelidikan II

### (H) ISU-ISU PROFESIONAL DALAM KAUNSELING DAN PSIKOLOGI

SMK4804 Isu-isu Etika & Perundangan dalam Kaunseling

### (I) LATIHAN AMALI ATAU PRAKTIKUM KAUNSELING

SMK4963 Praktikum Kaunseling

### (J) INTERNSHIP

SMK4979 Internship

### (K) KURSUS-KURSUS ELEKTIF ATAU YANG BERKAITAN DENGAN BIDANG KAUNSELING ATAU PROJEK PENYELIDIKAN

SMK3233 Kaunseling Penyalahgunaan Bahan  
SMK4203 Kaunseling Keluarga  
SMK3243 Kaunseling Personel  
SMK4713 Perundingan Dalam Kaunseling  
SMK3063 e-Kaunseling

## PINDAH KREDIT (LEPASAN DIPLOMA)

- Terhad untuk kursus Teras Universiti dan Teras Fakulti
- Gred lulus kursus- gred minimum iaitu gred C
- Nilai kredit sama dengan nilai kredit kursus di IPT menerima;
  - Kesetaraan kurikulum kursus - tidak kurang 80%; dan
  - Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi (termasuk Akreditasi Sementara) / diiktiraf oleh badan berautoriti di negara berkenaan
- Dokumen Penilaian;
  - Silibus kursus di peringkat diploma yang disetarakan
  - Transkrip diploma
- Permohonan melalui dalam talian MyNemo UMT

## STRUKTUR YURAN

BIL	JENIS YURAN	RM
1	Pendaftaran	830.00
2	Yuran Pengajian (Semester)	920.00
3	Asrama (Semester)	
	Bilik Berdua	665.00
	Bilik Bertiga	532.00
	Bilik Berempat	399.00

## BIDANG KERJAYA YANG BOLEH DICEBURI

**Agensi Kerajaan:** Bertugas sebagai Kaunselor di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, Pusat Serenti, Institut Perguruan, Penjara, Kementerian Kesihatan, Pejabat Agama, Mahkamah, Institut Pengajian Tinggi, Jabatan Pendidikan, Jabatan Imigresen, Jabatan Pertahanan Awam, Kementerian Dalam Negeri, PDRM.

**Agensi Swasta:** Bertugas sebagai Kaunselor atau Pegawai Sumber Manusia yang mengendalikan perkhidmatan kaunseling seperti di kilang, PEMADAM, Yayasan AIDS Malaysia, YADIM, Pusat Pengasih Malaysia, Institut Pengurusan Wanita, PERTIWI atau di kolej swasta.

## PERMOHONAN / PERTANYAAN MAKLUMAT

- **Permohonan UPU:** <https://upu.mohe.gov.my>
- **Pertanyaan lanjut:**  
Ketua Program Sarjana Muda Kaunseling dengan Keujian  
Fakulti Perniagaan Ekonomi & Pembangunan Sosial  
Universiti Malaysia Terengganu  
09 6684198 (Ketua Program)  
09 6684431 (Pejabat Am Fakulti)  
<https://www.fbesd.umt.edu.my>  
<https://www.umt.edu.my>



**FACULTY OF BUSINESS, ECONOMICS & SOCIAL DEVELOPMENT**

Fakulti Perniagaan, Ekonomi & Pembangunan Sosial  
Universiti Malaysia Terengganu